



# **MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 28**

**LAPORAN KEWANGAN**

**27 JUNE 2023 (SELASA)**

**ROYALE CHULAN KUALA LUMPUR**

# AGENDA 3

MELULUSKAN LAPORAN  
KEWANGAN TERAUDIT  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31  
DISEMBER 2022  
(RUJUK LAPORAN M/S 66-81)



# RINGKASAN KEWANGAN

Prestasi kewangan Persatuan Francais Malaysia (MFA) secara keseluruhannya mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, dengan kenaikan lebihan pendapatan sebanyak 90%.



Peningkatan prestasi ini disokong oleh peningkatan jumlah perlaksanaan aktiviti kursus & latihan, program acara dan program secara kerjasama dengan pihak kementerian. Sejumlah aktiviti yang telah disusun dan direncanakan bagi merancakkan kembali industri francais selepas penurunan pandemik Covid-19 berjaya dilaksanakan merangkumi program libat urus dan aktiviti bagi mempromosikan industri francais di Malaysia dengan sokongan dan kerjasama daripada pihak kerajaan.



## Dana Terkumpul

Dana terkumpul MFA meningkat kepada RM1.40 juta berbanding RM1.27 juta pada tahun sebelumnya dan ini menunjukkan kewangan MFA berada pada tahap yang lebih baik berbanding tahun 2021.

**PENDAPATAN**  
**RM5.18 JUTA**

2021 | RM3.68 JUTA

**LEBIHAN PENDAPATAN**

**RM0.113 JUTA**  
2021 : RM0.06 JUTA

**DANA TERKUMPUL**

**RM1.39 JUTA**  
2021 | RM1.27 JUTA

# PRESTASI KEWANGAN 5 TAHUN

(DALAM RM' JUTA)

	2022	2021	2020	2019	2018
Pendapatan	5.18	3.68	2.15	5.75	4.95
Perbelanjaan	5.07	3.62	2.50	5.59	4.82
Lebihan/Kurangan	0.11	0.06	-0.35	0.16	0.13
Dana Terkumpul	1.39	1.27	1.21	1.57	1.41
Hartanah, Loji & Peralatan	0.35	0.40	0.50	0.40	0.07
Aset Semasa	4.22	8.93	3.30	4.20	5.00
Liabiliti Semasa	3.18	8.08	2.59	2.99	3.67
Aset Semasa Bersih	1.04	0.85	0.71	1.21	1.33
Aset Bersih	1.39	1.25	1.21	1.61	1.40

## PANDANGAN JURUAUDIT DALAMAN

Secara amnya pada tahun 2022 MFA telah menunjukkan peningkatan yang baik dari semua aspek.


- Hartanah, Loji dan Peralatan - terdapat peningkatan mendadak didalam susut nilai Ubahsuai Pejabat disebabkan oleh pelupusan aset.
- Aset Semasa - penurunan didalam aset semasa kerana penurunan Tunai dan tatakelola lebih baik bagi pengutipan yuran-yuran.
- Liabiliti Semasa - penurunan ketara disebabkan oleh penurunan Hasil Terdahulu
- Aset Semasa Bersih menunjukkan peningkatan yang baik.
- Penyata Pendapatan & Perbelanjaan-
  - Pendapatan bersih setelah ditolak perbelanjaan meningkat 90% dari tahun 2021.
  - Pendapatan juga meningkat dengan baik hasil sumbangan dari Pendapatan Yuran Acara, Misi Perdagangan dan Pendapatan Simpanan Tetap.

# LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Pendapatan dan perbelanjaan MFA pada tahun 2022 meningkat masing-masing sebanyak 41% berbanding tahun 2021 dimana pendapatan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM5.18 juta berbanding 2021, RM3.68 juta, manakala perbelanjaan tahun 2022 adalah sebanyak RM5.066 juta, peningkatan sebanyak 40% berbanding 2021, RM3.62 juta.

Pencapaian ini memberikan peningkatan lebihan pendapatan hampir sekali ganda berbanding tahun 2021 iaitu daripada RM60 ribu kepada RM113 ribu.

## Pendapatan & Perbelanjaan




	Pendapatan	Perbelanjaan	Lebihan/ (Kurangan)
2022	5,180	5,066	113
2021	3,680	3,620	60

# LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Peningkatan pendapatan MFA didorong oleh:

- Keahlian yang mencatatkan kenaikan 9% kepada RM339 ribu (2021: RM318 ribu).
- Acara dengan peningkatan sekali ganda kepada RM1.9juta (2021: RM927 ribu)
- Pelbagai pendapatan meningkat 92% kepada RM317 ribu (2021: RM165 ribu).
- Program kerjasama meningkat sebanyak 26% kepada RM2.436juta (2021:RM1.939juta).


Hanya pendapatan kursus & latihan mengalami penurunan sebanyak 43% kepada RM188 ribu (2021: RM330) disebabkan pengurangan jumlah latihan.



# LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Peningkatan perbelanjaan adalah selari dengan peningkatan pendapatan disebabkan oleh:

- Perbelanjaan acara meningkat lebih sekali ganda kepada RM1.389 juta (2021 : RM587ribu).
- Pelbagai perbelanjaan meningkat 89% kepada RM242 (2021: RM129 ribu)
- Pentadbiran meningkat 8% kepada RM1.265 juta (2021: RM1.169 juta)
- Program kerjasama meningkat 30% kepada RM2.037juta (2021: RM1.571juta)



Manakala belanja keahlian dan kursus menurun masing-masing sebanyak 26% (2022: RM65ribu, 2021: RM87 ribu) dan 11% (2022: RM69ribu, 2021: RM77ribu)

# LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2022

	NOTA	2022 RM	2021 RM
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>	3	349,785	424,481
<b>ASET SEMASA</b>			
Yuran Ahli dan Bayaran Proses Belum Terima		116,179	170,673
Yuran Kursus dan Seminar Belum Terima		2,732	38,500
Yuran Acara Belum Terima		143,276	166,363
Yuran Pelbagai Belum Terima		53,986	106,328
Pelbagai Penghutang, Deposit & Prabayar	4	607,077	795,479
Tunai dan Persamaan Tunai	5	3,297,134	7,651,360
		4,220,385	8,928,703
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pembiayaan & Akruan	6	368,410	387,959
Hasil Terdahulu	7	2,604,777	7,603,436
Pelbagai Pembiayaan	8	209,100	87,278
		3,182,287	8,078,673
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		1,038,098	850,030
		1,387,883	1,274,510
<b>KUMPULAN WANG TERKUMPUL</b>			
Lebihan Terkumpul pada 1 Januari		1,274,510	1,214,939
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa		113,372	59,571
Lebihan Terkumpul pada 31 Disember		1,387,883	1,274,510

# LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

## PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	NOTA	2022 RM	2021 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Yuran Keahlian & Bayaran Proses		339,116	318,312
Yuran Kursus & Seminar		432,906	558,846
Yuran Acara		1,899,746	927,050
Pelbagai Pendapatan	9	2,418,116	1,868,884
Keuntungan simpanan tetap		89,863	6,490
		<b>5,179,748</b>	<b>3,679,581</b>
<b>TOLAK: PERBELANJAAN</b>			
Belanja Keahlian		64,534	87,397
Belanja Kursus & Seminar		259,389	163,765
Belanja Acara		1,388,688	586,928
Pelbagai Belanja	10	2,088,512	1,613,271
Belanja Pentadbiran	11	1,265,252	1,168,649
		<b>5,066,376</b>	<b>3,620,010</b>
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) PENDAPATAN</b>			
		<b>113,372</b>	<b>59,571</b>

# LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

## PENYATA PENERIMAAN & PEMBAYARAN UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	NOTA	2022 RM	2021 RM
<b>PENERIMAAN</b>			
Penerimaan Yuran Keahlian & Bayaran Proses		359,987	243,278
Penerimaan Yuran Kursus & Seminar		193,320	314,309
Penerimaan Yuran Acara		1,305,880	241,132
Penerimaan Pelbagai Yuran	12	1,104,758	7,955,579
Penerimaan Dividen Simpanan Tetap	13	89,862	6,490
		<b>3,053,807</b>	<b>8,760,788</b>
<b>TOLAK: PEMBAYARAN</b>			
Pembayaran Belanja Keahlian		12,866	609
Pembayaran Belanja Kursus & Seminar		178,234	91,790
Pembayaran Belanja Acara		1,150,030	489,997
Pembayaran Pelbagai Belanja	14	4,980,355	1,546,498
Pembayaran Belanja Pentadbiran	15	1,068,665	1,073,541
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	16	16,423	7,429
Pembayaran kepada MFA Franchise Sdn Bhd		1,460	5,084
		<b>7,408,033</b>	<b>3,214,948</b>
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) PENERIMAAN ATAS PEMBAYARAN</b>			
		<b>(4,354,226)</b>	<b>5,545,840</b>
<b>BAKI PADA 1HB JANUARI</b>			
Tunai dan persamaan tunai		7,651,360	2,105,520
		<b>3,297,134</b>	<b>7,651,360</b>
<b>BAKI PADA 31HB DISEMBER</b>			
Tunai dan persamaan tunai		3,297,134	7,651,360
		<b>3,297,134</b>	<b>7,651,360</b>



# TERIMA KASIH

UNIT KEWANGAN MFA